

KATA ALU-ALUAN Ketua Pustakawan

أقبل



Ts. Noor Hidayat bin Adnan
Ketua Pustakawan UiTM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmatNya, e-buletin IQRA bagi keluaran September 2021 berjaya diterbitkan. Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM tetap teguh dalam menyalurkan pelbagai maklumat yang terkini dan penting kepada pelanggan perpustakaan.

Peranan Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM dalam menyalurkan pelbagai maklumat yang terkini dan relevan kepada pelanggan perpustakaan tidak boleh disangkal. Pelbagai aktiviti diadakan khusus kepada pelanggan dan masyarakat dalam penyebaran ilmu pengetahuan. Bermula 10 September 2021, perkhidmatan perpustakaan secara fizikal beroperasi sepenuhnya dengan terma dan syarat yang ditetapkan. Pelanggan perpustakaan dapat menikmati kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan yang terkini sama ada secara fizikal atau maya.

Melalui program siaran langsung seperti Bicara Tokoh Khas Pengkisahan Sejarah Bersama Perajurit Negara dan Rukun Negara Teras Perpaduan Kaum. Terdapat juga pameran bertajuk Kenali Negeri di Malaysia melalui Bendera, Jata dan Lagu, Bendera Malaysia dari Union Jack ke Jalur Gemilang, Yang Pertama di Malaysia, Pameran Tokoh Kemerdekaan dan Sejarah Pembentukan Malaysia yang mana semuanya bertepatan dengan sambutan Hari Malaysia. Bagi merencanakan program Read@UiTM dan pinjaman buku dalam kalangan pelajar dan staf, aktiviti seperti Book Challenge, Pinjam & Putar dan Kuasai Bahasa dengan Membaca dilihat bertepatan dengan kemasukan semula pelajar ke kampus. Ini disokong juga dengan program Book Delivery Services dan Program Wakaf Buku yang dilihat mempunyai nilai cakna dan peka.

Aktiviti lain yang dijalankan tidak kurang hebat dalam memperkasa perkongsian maklumat dan ilmu pengetahuan kepada warga UiTM dan masyarakat umum. Perpustakaan UiTM akan memastikan penyampaian perkhidmatan perpustakaan kekal relevan, dirujuk dan dihormati (relevant, referred and respected).

Wassalam.

Ts. Noor Hidayat Bin Adnan,
Ketua Pustakawan

***Beduk dipalu azan bergema,
Anak muda akalnya pintar,
Langkah seiring maju bersama,
Pegangan teguh keluarga PTAR.***